

10/07/2004

Percaturan Ku Li boleh perangkap diri sendiri

By Kadir Dikoh

DUA kejutan berlaku pada dua hari pertama mesyuarat peringkat bahagian Umno setakat ini membabitkan pencalonan untuk jawatan Naib Presiden dan pengumuman Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah, menawarkan diri bertanding jawatan Presiden.

Ku Li belum mendapat sebarang pencalonan, sebaliknya semua empat bahagian - Cheras (Wilayah Persekutuan), Batu Gajah (Perak) dan Kuala Krai dan Kota Bahru (Kelantan) yang sudah bermesyuarat setakat ini, mencalonkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk jawatan Presiden dan Datuk Seri Najib Razak bagi jawatan Timbalan Presiden.

Selepas Ahad ini, Pak Lah dan Najib berkemungkinan besar berjaya melepasi syarat minimum kuota pencalonan iaitu 30 peratus atau sokongan 58 daripada 191 bahagian bagi jawatan Presiden dan 20 peratus atau sokongan 39 bahagian untuk jawatan Timbalan Presiden.

Selain empat bahagian sudah bermesyuarat sehingga semalam, tujuh lagi bahagian bermesyuarat hari ini manakala 57 bahagian berbuat demikian esok, menjadikan semuanya 68 bahagian.

Dalam tempoh 48 jam akan datang, apakah Ku Li akan mendapat pencalonan? Bahagian Gua Musang yang diketuainya akan hanya bermesyuarat pada 17 Julai iaitu sehari sebelum mesyuarat Umno bahagian Kepala Batas yang diketuai Pak Lah dan Pekan yang diketuai Najib.

Dua bahagian itu kemungkinan besar mengambil pendirian berkecuali untuk tidak membuat sebarang pencalonan bagi menghadapi pemilihan 23 September ini. Majlis Tertinggi (MT) Umno dijangka mengadakan mesyuarat khas minggu depan bagi memberi arahan itu yang hanya boleh dilakukan oleh badan pembuat dasar berkenaan.

Ku Li yang mengakhiri teka-teki, membuat pengumuman itu ketika merasmikan mesyuarat perwakilan Pergerakan Wanita dan Pemuda Umno Bahagian Gua Musang.

"Saya sedia bertanding bagi jawatan Presiden Umno, tetapi perkara itu tertakluk kepada pencalonan daripada bahagian nanti dan jika cukup (kuota) tiada masalah bagi saya untuk menerimanya.

"Kalau tak layak... apakan daya kerana itu semua keputusan ahli Umno sendiri dan saya membuat kejutan lanjutan daripada pengumuman sebelum ini atas kerelaan diri saya dan permintaan ahli Umno untuk bertanding jawatan tertinggi itu," katanya.

Sumber pula berkata, beberapa bahagian lagi dijangka mencalonkan Ku Li seperti Labis dan Segamat di Johor, Bandar Tun Razak di ibu negara, tetapi bahagian Batu Gajah di Perak yang sebelum ini diuar-uar akan mencalonkan Ku Li, malam kelmarin tidak berbuat demikian, sebaliknya menamakan Pak Lah dan Najib.

"Pada pertandingan 1987, semua bahagian terbabit memang mencalonkan Ku Li untuk mencabar Tun Dr Mahathir Mohamad. Mungkin Ku Li atau orangnya tersalah anggap dan sokongan bahagian terbabit ketika itu kerana mereka menyokong regu Ku Li iaitu Tan Sri Musa Hitam (yang menentang Tun Ghafar Baba bagi jawatan Timbalan Presiden), tetapi bukan kali ini.

"Sebab itulah saya rasa Batu Gajah tidak calonkan Ku Li. Musa pula yang masih ada pengaruh di bahagian terbabit kini menjadi penyokong kuat Pak Lah dari belakang dan takkan dia membiarkan bahagian itu mencalonkan Ku Li," kata sumber itu.

Pada pemilihan parti empat tahun lalu, Ku Li gagal mendapat jumlah pencalonan mencukupi untuk bertanding kerusi Naib Presiden iaitu kurang

satu (minimum ketika itu adalah 17 pencalonan).

Kali ini, beliau perlu mendapat sekurang-kurangnya 58 bahagian bagi melepasi syarat kuota untuk bertanding jawatan Presiden.

Itu dari segi pencalonan. Bagaimana pula kesan pengumuman Ku Li kepada proses undi sebelum sesuatu bahagian itu mencadangkan nama calon? Biasanya proses pencalonan itu dibuat dengan mengangkat tangan sebagai sokongan, tetapi jika nama lain misalnya Ku Li turut dicadangkan, bermakna proses undian sulit terpaksa dilakukan.

"Jika undian sulit dilakukan, sudah pasti ada angka... berapa undi sokongan diberi kepada pemimpin ini dan pemimpin itu. Di sinilah bibit-bibit perpecahan itu sendiri bermula dan perkara inilah yang hendak dielakkan oleh pucuk pimpinan parti," kata seorang pemerhati.

Bagaimanapun, Ketua Umno Bahagian Johor Bahru, Datuk Shahrir Samad, berkata pengumuman Ku Li itu sekurang-kurangnya menjelaskan pendirian sebenar dan bukan lagi samar-samar.

"Dia sudah umum mengenai apa yang dia nak. Terpulang kepada bahagian untuk mencalonkannya atau tidak. Kita (bahagian) yang membuat keputusan," katanya.

Sebenarnya, tradisi menentang Presiden bermula pada 1978 apabila Tun Hussein Onn dicabar oleh Sulaiman Palestin. Malah, ketika itu juga semua jawatan kanan selain daripada Timbalan Presiden dan Naib Presiden ditandingi.

Bermula pada 1978 itu juga, senario politik negara dan Umno berubah iaitu sesiapa yang bercita-cita menjadi Perdana Menteri perlu terlebih dulu menjadi Presiden Umno, kemudian mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri kerana kedudukannya sebagai ketua parti komponen yang memerintah.

Sebelum itu, mereka yang hendak menjadi Presiden Umno terlebih dulu memegang jawatan Perdana Menteri dan selepas itu secara automatik menjadi Presiden parti.

Tun Hussein terlebih dulu menjadi Perdana Menteri berikutan kematian Tun Razak Hussein pada 1976 dan disahkan ke jawatan Presiden pada pemilihan 1978, sehingga dicabar oleh Sulaiman.

Sementara itu, bagi jawatan Naib Presiden, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam mendahului dengan mendapat tiga pencalonan setakat semalam, diikuti dua pencalonan masing-masing diperolehi penyandang, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Shahrir dan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Zaid Ibrahim.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mustapa Mohamed dan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob masing-masing mendapat satu pencalonan.

Di Kota Bharu semalam, Zaid berkata beliau terkejut dengan pencalonan yang diterimanya daripada Umno Bahagian Batu Gajah dan menganggap pencalonan itu sebagai tiket pertama untuk membolehkannya berkempen menjelang pemilihan parti September ini.

Bagaimanapun, Umno bahagian Kota Bharu yang diketuai Zaid tidak mencalonkan Mustapa yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri itu untuk jawatan Naib Presiden, walaupun Mustapa sudah mengumumkan hasrat bertanding jawatan berkenaan.

Mustapa memperoleh undi kedua tertinggi selepas Mohd Ali bagi jawatan Majlis Tertinggi (MT) pada pemilihan lalu.

Keadaan sudah pasti berubah apabila tujuh bahagian lagi bermesyuarat hari ini dan yang paling menarik Ahad ini apabila 57 bahagian membuat penentuan pencalonan. Yang pasti senarai yang dicalonkan untuk Naib Presiden dijangka terus melebar.

Bagaimanapun, tidak mengejutkan apabila Umno Bahagian Batu Gajah yang diketuai Datuk Mohd Yusuff Kassim mencalonkan Shahrir kerana kedua-duanya kawan baik.

Dalam politik ini kena banyak berkawan, bukan berkawan pada musim pemilihan saja. Malah, Shahrir sendiri mempunyai pendirian `berkawan' apabila bahagiannya sanggup mencalonkan sesiapa saja berhasrat bertanding Naib Presiden yang masih belum mencukupi syarat pencalonan.

"Bahagian saya bermesyuarat 18 Julai...nak tengok siapa yang kurang (pencalonan), kita akan mencukupkannya," katanya tetapi yakin semua yang menawarkan diri bertanding Naib Presiden akhirnya akan layak memenuhi syarat kuota.

Bagi Pergerakan Pemuda Umno pula, penyandang Datuk Hishammuddin Hussein dan muka baru, Khairy Jamaluddin, bagi jawatan naib ketua dilihat sebagai `favourite'.

"Kedua-duanya menampakkan penampilan profesional dan ini akan berupaya menarik golongan muda profesional dalam Pemuda," kata calon Naib Ketua Pemuda Bahagian Sungai Siput, Perak, Ahmad Shamsuddin Ramlie, yang turut bertanding untuk Exco Pemuda peringkat Pusat kali ini.

Pengurus kanan di sebuah syarikat telekomunikasi tempatan itu berkata, Khairy perlu disokong kerana kelayakan akademik, latar belakang profesional dan keupayaannya untuk dibentuk sebagai pemimpin pelapis dalam Umno.

Bagi pencalonan untuk jawatan dalam Wanita Umno, belum ada nama lain dicalonkan sehingga semalam, kecuali Datuk Seri Rafidah Aziz dan Datuk Seri Shahrizat Jalil bagi jawatan ketua dan naib ketua.

Bagaimanapun, persaingan sengit dijangka berlaku untuk perebutan jawatan Ketua Puteri Umno di antara Noraini Ahmad dan Suraya Yaakob.

(END)